

No. Soalan: 68
PR-1352-L02418

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : **8 OGOS 2017**

SOALAN : **Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph
Pairin Kitingan [Keningau] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
bagaimanakah tahap kerjasama dan
perhubungan diplomatik di antara Malaysia
dan negara Filipina.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Keningau atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan di antara Malaysia dan Filipina adalah baik dan berada di tahap yang tinggi. Kedua-dua negara terus komited untuk mengeratkan lagi kerjasama yang sedia ada. Seperti lazimnya, hubungan serta kerjasama dua negara jiran ini merangkumi pelbagai bidang. Saya ingin menegaskan di sini bahawa hubungan baik Malaysia-Filipina bukan hanya membawa manfaat kepada kedua-dua negara, malah adalah penting bagi kestabilan keselamatan dan kemakmuran rantau Asia Tenggara. Seperti lazimnya juga, manamana hubungan negara jiran akan mengalami masalah serta isu-isu dari semasa ke semasa. Apa yang penting adalah komitmen untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu tersebut dengan cara yang santun dan berhikmah.

3. Salah satu bukti keakraban hubungan Malaysia-Filipina ialah kekerapan lawatan pada peringkat tertinggi. Pada tahun 2014, Presiden Benigno S. Aquino III telah mengadakan Lawatan Negara ke Malaysia. Semasa Lawatan Negara Presiden Aquino, dua (2) instrumen, telah ditandatangani iaitu MoU di Bidang Pendidikan dan Perjanjian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Pada tahun yang sama, YAB Perdana Menteri juga telah mengadakan satu Lawatan Kerja ke Filipina untuk menyaksikan Majlis Menandatangani *Perjanjian Komprehensif mengenai Bangsamoro (Comprehensive Agreement on the Bangsamoro*

- CAB). Hubungan Malaysia dan Filipina diperkukuhkan lagi oleh Lawatan Rasmi Presiden Rodrigo Duterte ke Malaysia pada 10 November 2016 lalu.

4. Pada tahun lepas, Filipina merupakan rakan perdagangan Malaysia ke-5 terbesar di ASEAN dan ke-16 terbesar di dunia. Sejak beberapa tahun yang lalu, jumlah dagangan Malaysia dengan Filipina telah terus meningkat. Bagi suku pertama tahun ini, jumlah dagangan dengan Filipina berjumlah USD 1.91 bilion iaitu peningkatan sebanyak 18.8 peratus berbanding USD 1.58 bilion pada tempoh yang sama pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Umum juga mengetahui bahawa sejak tahun 2001, Malaysia telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Filipina untuk memainkan peranan sebagai pemudahcara dalam proses rundingan damai di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF). Hasil pembabitan Malaysia, kedua-dua pihak telah menandatangani CAB di Manila pada 27 Mac 2014. Malaysia komited untuk terus memainkan peranan sebagai pemudahcara untuk membantu usaha melaksanakan CAB tersebut. Dalam hubungan ini, Malaysia sentiasa berhubung dengan pihak-pihak yang berkepentingan di Filipina terutamanya Jabatan Luar Negeri Filipina, Pejabat Penasihat Presiden Mengenai Rundingan Damai (*Office of the Presidential Adviser on the Peace Process-OPAPP*), MILF dan juga masyarakat antarabangsa melalui Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organization of Islamic Cooperation-OIC*).

6. Di samping itu, komitmen Malaysia berhubung proses damai di Selatan Filipina juga dizahirkan melalui penglibatan dalam Tim

Pemantauan Antarabangsa – Mindanao (IMT-M). Malaysia telah menerajui IMT-M ini sejak tahun 2004. Kehadiran IMT-M ini telah berjaya menyumbang kepada peningkatan keamanan di Selatan Filipina. Hakikat ini diakui sendiri oleh Presiden Duterte semasa pertemuan beliau dengan YAB Perdana Menteri pada 10 November 2016. Berikutan lawatan ini, Pasukan Pemantau IMT-M12 dari Malaysia telah diberikan mandat untuk memulakan tugas mereka di Mindanao pada 14 Mac 2017 bagi menggantikan pasukan IMT-M11 yang telah tamat tempoh penugasan mereka selama setahun.

7. Malaysia juga telah menyumbang untuk membangunkan modal insan Bangsamoro melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme - MTCP*) di bawah Kementerian Luar Negeri. Dalam hubungan ini, Kementerian Luar Negeri telah bekerjasama dengan pelbagai institut-institut latihan seperti Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), Bank Negara Malaysia, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Sehingga kini, seramai 157 masyarakat Bangsamoro telah dilatih di bawah MTCP.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Malaysia dan Filipina juga mengambil pendekatan inovatif untuk mempertingkatkan lagi tahap keselamatan di antara negara kita. Yang terbaru, Malaysia dan Filipina bekerjasama bersama-sama dengan Indonesia di dalam isu keselamatan. *Framework on Trilateral Cooperative Arrangement Indonesia-Malaysia-the Philippines on Immediate Measures to Address Security Issues in the Maritime Areas of Common Concern* yang telah ditandatangani pada 14 Julai 2016 telah berjaya menangani

isu keselamatan perairan di ketiga-tiga negara ini. Berikutan keberkesanan kerjasama tiga hala ini, pada 22 Jun 2017, ketiga-tiga negara telah turut bersetuju untuk bekerjasama untuk menangani isu-isu berkaitan dengan keganasan dan ekstrimisme di rantau ini.

Sekian, terima kasih.